

## 6 lelaki pukul pemandu bas kena RM2,000

1/1/2019  
BERITA HARIAN MS 21

**Kuantan:** Enam lelaki dijatuhi denda RM2,000 setiap seorang oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam, selepas mengaku bersalah memukul pemandu bas di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Gambang arah barat di sini, minggu lalu.

Tertuduh, Ahmad Mohamad Noor, 44; Muhamad Isamrudin Dollah, 34; Shahrizan Mohd Sham, 36; Haire Dollah, 40; Ahmad Kamaruddin Mohamad Noor, 41, dan Mohd Hapis Sukri Dollah, 36, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Nurunaim Abdullah.

Mengikut pertuduhan, mereka dengan tujuan bersama mendatangkan kecederaan terhadap pemandu bas, Mohd Saifullakmal Abdul Rasid, 32, antara jam 1.30 hingga 2 pagi 24 Disember lalu, di kawasan parkir R&R Gambang.

### Tidak diwakili peguam

Semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 akta yang sama memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau keduanya sekali.

Terdahulu, semua tertuduh yang tidak diwakili peguam meminta mahkamah mengenakan hukuman denda minimum kerana mereka bergaji rendah, selain mempunyai tanggungan keluarga.

Nurunaim kemudian menjatuhkan hukuman denda RM2,000 kepada setiap tertuduh dan boleh dikenakan dua bulan penjara jika gagal membayar denda.

Pendakwaan dijalankan pegawai pendakwa Inspektor P Prabu.